

Bahasa dalam Realiti Kehidupan dan Realiti Kehidupan dalam Bahasa

ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Realiti kehidupan telah terpancar dalam bahasa yang digunakan melalui pelbagai konsep, perkataan dan ungkapan. Namun dalam menggambarkan realiti kehidupan, bahasa mempunyai batasanya. Makalah ini cuba membincangkan cara bahasa mengungkapkan realiti dalam kehidupan, menghuraikan bentuk bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan realiti dalam kehidupan dan realiti kehidupan yang diungkapkan dalam bahasa Melayu. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis teks. Sebanyak empat Laporan dan rencana Bajet 2018 yang dimuat turun daripada laman sesawang dijadikan bahan kajian. Laporan dan rencana berkaitan Bajet 2018 ini seterusnya dianalisis beralaskan teori Semantik Umum. Hasil kajian mendapati bahasa yang digunakan dalam rencana Bajet 2018 dapat menggambarkan realiti kehidupan dan begitu juga sebaliknya. Penggunaan frasa, 'berita gembira' (Data 1), 'ekonomi tengah tak sedap', (Data 2), 'menyentuh terus nukleus' (Data 3), 'mencari modal baharu' (Data 4) dan 'bajet inklusif' (Data 6) telah menggambarkan realiti kehidupan dalam bahasa Melayu melalui elemen entiti, rujukan, ruang dan masa. Sementara itu, penggunaan ungkapan sinis 'manis di mulut' (Data 3), 'mengorek kelompongan' 'modal mereka ke hulu ke hilir' dan 'mencari modal baharu' (Data 4) memperlihatkan realiti dalam kehidupan dari segi rujukan dan persepsi. Seterusnya, penggunaan frasa 'ekonomi tengah tak sedap', 'terasa terhimpit' serta 'mencari dan membuka peluang' memperlihatkan satu rujukan yang berkaitan dengan realiti kehidupan masa kini. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa aplikasi Semantik Umum dalam kajian ini telah dapat membuktikan bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa.

Kata kunci: *Realiti, laporan bajet 2018, semantik umum, konsep bahasa, pemikiran.*

Language in Life Reality VS. Reality of Life in language

ABSTRACT

The reality of life has been reflected in the language used through various concepts, words and expressions. But in describing the life of reality, the language has its limitations. This paper attempts to discuss how language expresses reality in life, describes the form of language used to express reality in life and reality of life expressed through language. This study uses text analysis. Selected study material from Budget reports 2018 was selected and downloaded from the Internet has been analyzed using theory of General Semantics. The finding from this study shows that the language used in media reports on Budget 2018 illustrates the reality of life and vice versa. The use of phrases, 'happy news' (Data 1), 'bad economy', (Data 2), 'direct contact with the nucleus' (Data 3), 'seeking new capital' (Data 4) and 'inclusive budget' 6) has illustrated the reality of life in Malay through the elements of entity, reference, space and time. In the meantime, the use of 'sweet to the mouth' (Data 3), 'dumping' 'their capital downstream' and 'seeking new capital' (Data 4) show realities in life in terms of reference and perception. Furthermore, the use of the phrase 'bad economy is bad', 'feels squeaky' and 'looking and opening up' shows a reference that relates to the reality of today's life. Thus it can be concluded that the Semantics application to this study has proven the language in the reality of life and the reality of life through the language.

Keywords: *Reality, budget report 2018, general semantic, language concept, thought.*

PENGENALAN

Bahasa ialah alat penting untuk membuat perbezaan dan mewujudkan realiti. Lantaran itu bahasa menanggapi realiti dengan cara yang berbeza. Pemahaman yang berbeza ini memberikan kesan kepada komunikasi manusia. Senada dengan itu, setiap individu harus dapat menyedari akan cara yang berbeza suatu bahasa itu mengungkapkan realiti. Lebih-lebih lagi, dalam kehidupan yang berbeza kerana manusia menggunakan bahasa berpandukan keupayaan minda dan fizikal dalam mengorganisasi kehidupan untuk menyatakan realiti dalam kehidupan.

Sebenarnya, perkataan 'bahasa' yang terdiri daripada simbol dan kategori huruf-huruf merupakan alat komunikasi manusia yang digunakan secara bersistematik, berstruktur dan konvensional ketika seseorang itu bertutur atau menulis bagi menyampaikan pelbagai konsep pemikiran, pengalaman dan kepercayaan. Pendek kata, dengan bahasa, kita mengkategorikan, membezakan, dan mewujudkan makna dalam alam semesta ini. Dengan demikian, kita dapat melihat dunia mengikut bahasa kita sendiri. Hal ini bertepatan dengan pendapat ahli antropologi, Sapir (1929), iaitu manusia tidak hidup di dunia semata-mata, tetapi sangat bergantung pada bahasa tertentu yang menjadi medium ungkapan dalam kalangan masyarakat mereka.

Setiap konsep dan kategori bahasa dibina secara sedar dalam kebiasaan, malahan sebahagian besar konsep dan kategori bahasa dizahirkan atas kebiasaan berbahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sehingga menimbulkan pelbagai pilihan penafsiran makna tertentu, (Ghenea, 2006). Tidak ada dua bahasa yang benar-benar sama untuk dianggap sebagai mewakili realiti sosial yang sama. Dunia masyarakat yang berbeza hidup dalam 'dunia yang berbeza'. Tegasnya, mereka hidup dalam dunia yang sama tetapi dengan 'label bahasa' yang berlainan (Salzmann, 1993, hlm.153).

Label bahasa yang berlainan turut digunakan dalam laporan belanjawan negara. Belanjawan atau dalam bahasa Inggeris "budget" (baru-baru ini dimelayukan menjadi bajet dan istilah bajet ini akan digunakan dalam makalah ini) adalah kontrak di antara kerajaan di satu pihak dan rakyat jelata di pihak yang lain. Dalam Belanjawan 2018 yang dibentangkan pada 27 Oktober 2017, Datuk Seri Najib Razak menganggarkan kutipan GST sebanyak RM43.8 bilion, iaitu naik daripada RM41.5 bilion tahun ini. Selain GST ada cukai lain, iaitu cukai pendapatan, cukai korporat, cukai import, cukai eksport, cukai setem, cukai jalan, tarif dan macam-macam lagi bayaran yang rakyat harus membayarnya. Hal ini menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Senada dengan itu Bajet 2018 bukan sahaja memberi harapan kepadapenjawat awam tetapi turut memberi manfaat kepada rakyat secara umum, (Noor Atiqah Sulaiman: bhnews@bh.com.my 4 Oktober 2017). Hal ini menunjukkan bajet 2018 secara tidak langsung akan memantapkan lagi pembangunan negara dalam pelbagai aspek selain meningkatkan prestasi, ekonomi dan kecemerlangan negara bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, (Tan Sri Dr Ali Hamsa, 2017, Ketua Setiausaha Negara). Malahan dalam Laporan Bajet 2018, Datuk Seri Najib Razak menegaskan, "Yang **ter-paling mustahak** adalah untuk dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tercinta, tidak kira apa jua kaum, ... apa jua bangsa, ... dan apa jua latar keturunan.

Namun Bajet 2018 didapati mengecewakan sektor swasta, (J. Solomon, 2017 - Setiausaha Agung MTUC). Tambah J. Solomon, "Setiap tahun, bajet mengecewakan pekerja sektor swasta dan Bajet 2018 tidak ada beza pun". Menurut J. Solomon lagi, "kerajaan perlu ingat dalam ekonomi dunia sekarang, sesebuah bajet sepatutnya memberi manfaat kepada semua dan bukan pilih tertentu saja; dengan cara itu barulah ia benar-benar bajet inklusif," Kekecewaan itu timbul apabila kerajaan dilihat seolah-olah meminggirkan sektor dan

kakitangan swasta yang turut menyumbang dalam pembangunan negara, (Gopal Kishnam dalam Izra, 2017). Menurut Gopal Kishnam, sebelum pembentangan bajet dibuat, MTUC telah menaruh harapan tinggi dan mengharapkan sedikit 'berita baik' namun hal ini tiak berlaku seperti dalam pernyataan beliau, "Kita fikir kali ini kerajaan akan beri pertimbangan terhadap sektor swasta dan merangkumi semua pihak, tapi tidak.

Reaksi kekecewaan berkaitan bajet 2018 yang dilaporkan oleh pihak media ini dianalisis untuk mengkaji sejauh mana bahasa menggambarkan realiti dalam kehidupan dan realiti kehidupan yang tergambar dalam bahasa.

OBJEKTIF

Makalah ini akan membincangkan cara bahasa mengungkapkan realiti dalam kehidupan, menghuraikan bentuk bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan realiti dalam kehidupan dan realiti kehidupan yang diungkapkan dalam bahasa Melayu berdasarkan rencana terpilih dan laporan Bajet 2017.

Konsep 'Realiti'

Realiti ialah keadaan sesuatu yang benar-benarnya wujud, bukan khayalan, tetapi sesuatu yang telah wujud, kini wujud, atau yang akan wujud. Dengan kata lain, realiti merangkumi segala sesuatu yang telah ada sama ada dapat diperhatikan atau difahami. Hal ini menjelaskan bahawa takrif 'realiti' itu boleh dikatakan agak luas dan taksa.

Sehubungan dengan itu, Yacobi (2013) menjelaskan bahawa 'realiti' lebih kepada suatu keadaan, kenyataan ataupun hakikat yang benar-benar terjadi dan nyata. Realiti mewakili keadaan 'sesuatu' sama ada objek, persepsi, perlakuan yang sebenarnya wujud secara nyata atau hanya wujud dalam fikiran seseorang itu. Dengan demikian, 'realiti' dapat dibezakan dengan khayalan, ilusi, delusi dalam fikiran, impian, fiksyen, atau suatu yang abstrak. Namun, konsep yang abstrak masih memainkan peranan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, konsep keadilan, keutuhan, kebenaran dan kejujuran yang merupakan konsep abstrak yang sukar untuk ditentukan, tetapi digunakan dalam kehidupan. Kewujudan konsep realiti dan abstrak ini menimbulkan perselisihan pendapat. Satu pihak menganggap 'realiti' sebagai kata-kata semata-mata; di sisi lain, ada pihak yang menganggap 'realiti' sebagai kebenaran yang lebih tinggi daripada konsep abstrak. Perselisihan ini adalah terletak pada fikiran dan falsafah seseorang itu dalam memahami alam semesta dan kehidupan manusia.

Dalam falsafah analitik, dapat dilihat kehadiran dua perspektif yang bertentangan tentang hubungan antara bahasa dan realiti. Perspektif pertama adalah daripada golongan ahli falsafah awal seperti Frege dan Wittgenstein (Floyd, 2011) yang berpendapat bahawa bahasa ialah alat yang menggambarkan dan mewakili realiti. Mereka juga turut menerangkan cara bahasa itu mewakili realiti (Ghenea, 2006). Perspektif kedua adalah terdiri daripada ahli falsafah seperti Wittgenstein, Austin, Strawson dan Searle yang menyatakan bahawa bahasa itu tidak harus mewakili atau cerminan realiti tetapi harus menunjukkan berbagai-bagai tindakan dan bentuk interaksi sosial. Menurut golongan ahli falsafah ini, bahasa tidak boleh dibantah atau dipisahkan dengan realiti, sebaliknya bahasa harus dilihat sebagai sebahagian daripada realiti, (Ghenea, 2006). Justeru manusia harus berjuang untuk memahami realiti kehidupan, sedangkan pada hakikatnya, pelbagai konsep dan perkataan yang diujarkan melalui bahasa yang digunakan telah pun menggambarkan realiti dalam kehidupan. Namun begitu, dalam menggambarkan realiti kehidupan, bahasa

mempunyai batasannya. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memahami cara bahasa mengungkapkannya realiti kehidupan, semantik umum diaplikasikan dalam kajian ini.

Perkembangan Teori Semantik Umum

Semantik Umum menumpukan kajian mengenai hubungan antara bahasa manusia dengan objektif kehidupan, makna ekspresi bahasa saintifik dan tepat, (Liu, 2017) Istilah Semantik Umum dibangunkan oleh Korzybski pada tahun 1933 adalah untuk mempersoalkan logik sistem bahasa Aristotle. Dalam buku beliau, *Science and Sanity: An Introduction to Non-Aristotelian Systems and General Semantics*, Alfred Korzybski menyatakan bahawa teori Semantik Umum dikemukakan sebagai satu teori yang menentang fahaman logika Aristotle. Tegasnya, teori Semantik Umum adalah anti- Aristotle atau sering disebut Non-Aristotelian. Logika Aristotle yang menganggap bahawa A adalah A, adalah tidak sesuai dengan pemikiran Korzybski, yang berpendapat bahawa semua hal selalunya berada dalam proses.

Menurut Korzybski, A tidak selalu A setiap waktu, kerana A mungkin berubah atau berubah bentuk. Korzybski mempersoalkan sistem logik bahasa Aristotle yang hanya mencerminkan gaya dan tahap bahasa orang Yunani kuno, dan bukan peraturan sejagat mengenai pemikiran dan bahasa manusia. Seajar dengan itu, Korzybski mencadangkan keperluan untuk mengubah struktur bahasa semasa ke arah yang lebih saintifik yang selanjutnya merupakan titik permulaan pergerakan Semantik Umum. Pemikiran ini merupakan salah satu daripada 51 buah pemikiran Korzybski yang berbeza dengan logika Aristotle. Selanjutnya analogi daripada teori Semantik Umum ialah:

1. Peta itu bukan satu wilayah. (*A map is not a territory*);
2. Peta itu tidak mewakili semua wilayah (*A map does not represent all of a territory*);
3. Peta itu ialah reflesif sendiri dan peta itu akan mewakili pembuat peta itu (*A map is self-reflexive in the sense that an ideal map would include map of the map, etc., indefinitely, and the map would include the map-maker*).

Selanjutnya para sarjana semantik umum telah mengemukakan tiga ciri bahasa manusia, iaitu:

- a. bahasa manusia bersifat statik manakala realiti bersifat dinamik. Bahasa mempunyai tahap kestabilan tertentu tetapi dunia berubah sepanjang masa, jadi Kuala Lumpur pada tahun 1957 adalah berbeza dengan Kuala Lumpur pada tahun 2017.
- b. bahasa manusia adalah terhad sedangkan hal yang berlaku sebenarnya adalah tidak terbatas. Justeru, manusia tidak mungkin dapat menghuraikan setiap objek itu kerana keterbatasan bahasa.
- c. bahasa manusia adalah abstrak, manakala dunia adalah konkrit. Justeru, ketika penutur menggambarkan hal-hal yang menggunakan bahasa yang abstrak, pendengarnya mendapat imej yang berbeza-beza kerana (2) Peta itu tidak mewakili semua wilayah, jadi bahasa bukanlah satu imej dan (3) manusia akan menggunakan kata nama yang abstrak dalam proses abstraksi bagi mencerminkan realiti yang objektif dan kata nama abstrak itu adalah sifar. Semakin tinggi darjah abstrak suatu konsep itu, semakin besar darjah kesukarannya. Hal ini merupakan antara sebab bahasa itu boleh menimbulkan 'bencana' atau perbalahan kepada masyarakat manusia.

Apabila bahasa diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari, dapatlah dirumuskan bahawa bahasa itu ialah; pertama, setiap perkataan itu bukanlah perkara yang diwakilinya, kedua, setiap perkataan atau ayat tidak mewakili semua fakta, dan ketiga, bahasa adalah

reflesif mandiri yang menjelaskan bahawa dalam bahasa, kita boleh bercakap tentang bahasa itu. Hal ini sejajar dengan teori Semantik Umum Korzybski, yang menitikberatkan kemampuan manusia untuk menyimpan pengalaman dan pengetahuan lewat fungsi bahasa sebagai penghubung waktu, bahasa mengikat waktu, dan bahasa mengikat usia manusia bersama, (Jos Daniel Parera, 1990). Seperti prinsip (1) peta itu bukanlah wilayah. Korzybski meletakkan Semantik Umum dalam analogi, iaitu bahasa seringkali tidak lengkap untuk mewakili kenyataan. Kemampuan bahasa yang sangat terbatas dalam mengungkapkan kenyataan menjadi penyebab bahasa tidak lengkap untuk mewakili kenyataan.

Di samping itu, Semantik Umum mengemukakan tiga elemen yang sangat menonjol, iaitu:

- i. *Time Binding* - Kemampuan manusia dalam menyampaikan maklumat/ informasi dan pengalaman antara generasi.
- ii. *Silence on the Objective levels* - Kata bukanlah hal yang diwakilinya. Korzybski menekankan pada pengalaman non-verbal dari dalam dan luar lingkungan kita.
- iii. *The system advocates of general orientation by extension rather than intention* - fakta yang berhubungan dibanding dengan kandungan yang andaikan atau ekstensional adalah terlepas daripada niat atau intensional dan cara diekspresikan menggunakan kata-kata. Dengan kata lain, ekstensional merujuk serangkaian objek yang dapat dikelaskan untuk nama kelompok atau set keahlian manakala intensional ialah ciri yang dinyatakan dengan kata nama. Sebagai contoh, Maria menyiapkan kerjanya dengan cantik pada pandangan saya, dibandingkan dengan pernyataan, Maria cantik.

Dalam hal ini juga, penutur yang merealisasikan nama ialah elemen-elemen ekstensional. Jadi, referens "Pelajar itu masuk ke dalam dewan" termasuk dalam ekstensional, iaitu himpunan objek-objek yang disebut pelajar. Manakala intensional dapat difahami sebagai aturan dalam menentukan ekstensional. Penutur yang mengatakan ekstensional dan intensional tidak hanya ditentukan untuk kata benda, tetapi juga untuk nama-nama kelompok yang lebih luas. Dengan demikian, ekstensional dan intensional tidak hanya untuk kata nama 'pelajar' tetapi juga dalam kelompok kata nama pelajar universiti atau pelajar siswazah.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks. Bahan kajian terdiri daripada empat rencana terpilih berkaitan laporan media tentang Bajet 2018 yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Empat bahan kajian yang dipilih adalah seperti berikut;

- a. Budget 2018 yang dimuat turun dari <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub18.pdf> pada 30 Okt 2017
- b. Bajet 2018 sahut semua cabaran semasa (diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/344576/bajet-2018-sahut-semua-cabaran-semasa> pada 30 Okt 2017
- c. Belanjawan 2018 berita gembira untuk kakitangan awam (Diakses dari <http://olaoli.com/belanjawan-2018-berita-gembira-untuk-kakitangan-awam/> pada 30 Okt 2017
- d. Bajet 2018 mengecewakan sektor swasta, kata MTUC (diakses dari <http://www.mtuc.org.my/bm-bajet-2018-mengecewakan-sektor-swasta-kata-mtuc/?lang=MS> pada 30 Oktober 2018

Daripada bahan kajian ini, penyelidik menganalisis beralaskan teori Semantik Umum Korzybski dengan memberi fokus kepada versi mudah model pembezaan struktur Korzybski.

Korzybski menegaskan bahawa sistem apa-apa pun di alam semesta ini sebenarnya mengandungi 'bahasa' dan bahasa mengandungi pula 'makna'. Bahasa ini sudah wujud secara ekstensional dan intensional bagi menggerakkan sebuah organisme. Ciri khas bahasa ini adalah berbentuk melingkar atau spiral. Sebagai contoh, kata 'burung' diertikan dengan 'haiwan yang mempunyai sayap dan boleh terbang', justeru kata 'sayap' dirujuk sebagai 'sebahagian daripada burung'.

Sebelum data dianalisis, beberapa prosedur dipatuhi, pertama, penyelidik menentukan elemen realiti dan kedua, ditentukan prinsip Semantik Umum.

Empat elemen realiti yang ditentukan ialah entiti, rujukan, persepsi dan ruang dan masa.

Entiti adalah sesuatu yang wujud yakni mempunyai kewujudannya sendiri. Senada dengan itu, realiti menggambarkan suatu entiti yang nyata, tidak berubah dan lebih memihak kepada makhluk, benda dan keadaan yang kewujudannya tidak dapat disangkal atau dinafikan. Realiti mendakwa bahawa alam semesta adalah nyata. Tegasnya, terdapat dua teori realisme, iaitu realisme Platonis dan realisme Aristotles.

Realisme Platonis iaitu teori realiti yang dikembangkan oleh Plato, menyatakan bahawa dunia yang terlihat adalah entiti yang nyata dan wujudnya beralih-alih secara bebas. Sementara itu, realisme Aristotles menjelaskan pandangan bahawa alam semesta adalah entiti yang sebenarnya. Dengan kata lain, realiti muktamad adalah dunia berkaitan objek fizikal, tetapi kewujudannya bergantung pada butir-butir objek atau benda yang dijadikan contoh. Kebenaran adalah bersifat objektif bergantung pada apa-apa yang boleh diperhatikan.

Rujukan atau referen merujuk suatu sifat dan ciri suatu benda atau, jenis lakuan yang dipraktikkan oleh individu dan masyarakat yang boleh dianggap sebagai perkongsian atau penyertaan. Konsep atau fikiran mempunyai hubungan secara langsung unsur bentuk kata dan benda atau referennya. Bentuk kata dan referen mempunyai hubungan yang tidak langsung.

Sementara itu, persepsi berkait rapat dengan = persoalan yang timbul dalam falsafah dan fikiran, bertitik tolak daripada pengalaman sedar sama ada berkaitan dunia sekeliling atau hanya persepsi yang dihasilkan oleh proses saraf di dalam fikiran semata-mata. Persepsi terhadap realiti (realisme langsung atau naif) dikembangkan untuk menanggapi persepsi terhadap suatu yang abstrak (realisme tidak langsung atau representasi). Dalam hal ini, kedudukan konsep yang abstrak merupakan suatu perwakilan internal, realiti maya yang mereplika dunia (Yacobi, 2013).


Masa dan ruang pula berkait dengan keberadaan sesuatu yang bersifat konkrit selain daripada minda manusia. Kant (1998) berpendapat bahawa kedua-dua ruang dan masa adalah unsur-unsur rangka kerja sistematik yang digunakan untuk menyusun pengalaman manusia. Pengukuran spatial digunakan untuk mengukur sejauh mana objek tersebut, dan pengukuran temporal digunakan untuk membandingkan secara kuantitatif antara tempoh suatu peristiwa. Walaupun ruang dan masa adakalanya menjadi sangat transenden namun secara empiris ruang dan masa adalah suatu yang benar, iaitu bukan ilusi semata-mata.

McTaggart (1908), mendakwa bahawa masa adalah ilusi. Justeru, realiti secara keseluruhannya boleh berbeza dari segi masa, iaitu masa lalu, masa sekarang dan masa depan secara berasingan. Masa lalu dan masa depan membayangkan realiti tidak benar, sebaliknya hanya masa kini yang berubah-ubah adalah suatu yang nyata. Namun mengikut teori Eternalism, masa lalu, masa kini dan masa depan semuanya adalah nyata, tetapi

peredaran masa adalah ilusi dan sering dikatakan mempunyai asas saintifik dalam kerelatifan. Justeru, teori Eternalism menegaskan bahawa masa lalu dan sekarang adalah nyata, tetapi masa depan tidak. Sementara itu, versi mudah model pembezaan struktur Korzybski, iaitu:

- a) Peristiwa atau Acara - Sesuatu yang berlaku atau tingkat peristiwa;
- b) Objek- Saya dapat rasa apa yang berlaku iaitu yang mewakili interaksi manusia dengan peristiwa;
- c) Penerangan atau deskriptif - Saya sedar apa yang berlaku. Deskriptif merupakan level verbal pertama dalam proses abstraksi. Pada peringkat ini, kita mencuba untuk mengingat apa yang telah dikatakan, didengar, difikirkan dan sebagainya tentang peristiwa atau acara yang berlaku. Senada dengan itu, level objek harus juga sama seperti yang dilaporkan oleh penutur agar faktanya dapat mewakili berbagai tahap kesimpulan yang mungkin.
- d) Inferens- Saya menjana makna untuk apa-apa yang berlaku. Hal ini bermaksud, kesimpulan-kesimpulan daripada peristiwa dan objek tadi akan menentukan makna yang signifikan dengan pengalaman dan peristiwa yang berlaku.

Rajah 1 berikut adalah rumusan proses analisis data melibatkan elemen-elemen yang berikut:



Rajah 1: versi mudah model pembezaan struktur Korzybski

HASIL KAJIAN

Aplikasi teori Semantik Umum telah dapat membuktikan bahawa realiti dalam bahasa adalah berkaitan dengan pengalaman dalam kehidupan manusia. Apabila suatu peristiwa itu berlaku, objek yang mewakili sistem saraf akan berinteraksi dengan peristiwa itu. Melalui organ pancarindera dan kognisi, individu itu akan mengkonstruksi pemandangan, bunyi, bau, dan lain-lain, bagi membina pengalaman yang tampak suatu realiti. Bahasa membekalkan makna dan persekitaran yang membolehkan komunikasi verbal dan non-verbal. Malahan bahasa turut menggunakan pengalaman individu beralaskan konsep-konsep bahasa, persepsi dan kognisi yang mempunyai hubungan dengan masa dan ruang dan inferens bagi menggunakan realiti dalam kehidupan.

Perbezaan konsep-konsep bahasa dalam menggambarkan suatu realiti sebenarnya tidak lengkap kerana bahasa itu terbatas, namun amat mempengaruhi cara penutur itu memahami dan mengingati suatu peristiwa yang ditempuhi.

Dalam laporan media tentang bujet 2018 (Data 1) membuktikan bahasa membekalkan makna kepada kita untuk memahami realiti yang wujud dalam kehidupan.

Data 1 **Semenjak 4-5 hari ni semakin luas tersebar desus desas tentang berita gembira untuk kakitangan awam** bersempena dengan pembentangan belanjawan 2018 Oktober ini. Lebih kurang 3 minggu lagi **budget akan dibentang dan hint yang diberikan oleh DS Najib** membuat kakitangan awam tertanya-tanya, apakah berita gembira itu?

(Sumber: Olaolico: October 4, 2017).

Dalam data 1, "**semakin luas tersebar desus desas tentang berita gembira untuk kakitangan awam**" merupakan suatu acara yang berlaku yang dapat dikaitkan dengan objek "**berita gembira untuk kakitangan awam**". Dalam hal ini bahasa menjadi bermakna kepada kita untuk kita berinteraksi dengan realiti dan alam sekeliling. Melalui bahasa, tanggapan pancaindera dan otak, kita mendeskripsikan pengalaman secara sedar. Hal ini dilaporkan dalam media secara objektif, iaitu "**Lebih kurang 3 minggu lagi budget akan dibentang dan hint yang diberikan oleh DS Najib**".

Penerangan bagi pernyataan ini secara ekstensionalnya ialah "Dalam masa 3 minggu lagi belanjawan 2018 yang akan diumumkan membawa berita gembira kepada kakitangan awam". **Berita gembira** merupakan objek yang terkait dengan **hint** yang diberikan oleh DS Najib lalu menghasilkan inferens yang berikut:

Inferens 1: Najib akan memberikan kenaikan pangkat kepada penjawat awam

Inferens 2: Harga barang akan turun

Inferens 3: Najib akan umumkan pemberian bonus kepada kakitangan awam

Prinsip Semantik Umum yang dikategorikan sebagai inferens kepada peristiwa "semakin luas tersebar desus desas tentang **berita gembira untuk kakitangan awam**" dapat diterima sebagai penerangan terhadap realiti yang wujud dalam kehidupan berkaitan bujet 2018 yang dilaporkan media.

Namun, bagi mengurangkan salah faham dan pertikaian ekoran laporan media "**berita gembira untuk kakitangan awam**" golongan ahli semantik umum menyarankan penggunaan bahasa dengan betul. Dalam masa yang sama, Korzybski mengemukakan sikap realiti secara objektif dengan menganjurkan individu harus memberikan tumpuan kepada fakta dan bukannya bahasa, tanpa meminggirkan elemen ekstensional dan intensional. **Berita gembira** dan **hint** adalah suatu realiti berdasarkan laporan bujet 2018, namun penerangan dan inferens tidak sama antara individu, justeru boleh menimbulkan perbalahan. Senada dengan itu, proses memahami realiti memerlukan integrasi dan panduan serta kaedah menggunakan bahasa dalam media supaya bahasa dalam komunikasi media lebih berkesan dan saintifik serta dapat diselaraskan.

Dalam hal ini, penggunaan versi mudah model pembezaan struktur Korzybski ini dapat menganalisis proses yang diabstrakkan untuk menggambarkan suatu realiti dalam kehidupan selain dapat melatih individu untuk bertindak balas dengan setiap keadaan yang berlaku di persekitaran.

Walau bagaimanapun, tidak semua prinsip Semantik Umum dapat menjelaskan suatu realiti seperti yang terdapat dalam laporan media (Data 2), “Keadaan **ekonomi tengah tak sedap** ni dengan **kos kehidupan yang tinggi memang terasa terhimpit** terutama golongan berpendapatan rendah”.

Data 2 Keadaan **ekonomi tengah tak sedap** ni dengan **kos kehidupan yang tinggi memang terasa terhimpit** terutama golongan berpendapatan rendah. Bantuan BRIM yang diterima oleh golongan tersebut pada aku tidak mencukupi untuk menampung kenaikan kos. Diharap juga supaya nanti akan ada instrumen bagaimana mengawal kenaikan kos dan mengelak dari pembaziran wang negara kepada perkara yang berisiko dan tidak menguntungkan.
(Sumber: Olaolico: October 4, 2017).

Laporan “Keadaan **ekonomi tengah tak sedap**” merupakan elemen ekstensional yang merujuk kepada realiti tetapi tidak lengkap kerana objek masih kabur malah boleh berubah-ubah. Hal ini turut menjelaskan bahawa bahasa adalah terhad. Disebabkan sifat bahasa yang terhad, justeru bahasa tidak mungkin untuk menyatakan ciri-ciri reality serta tidak dapat sepenuhnya merujuk kepada realiti dan tidak sepenuhnya konsisten.

Namun apabila realiti dikaitkan dengan objek “**kos kehidupan** dan **terasa terhimpit**” bukan mustahil bahasa dapat mengungkapkan realiti kerana realiti adalah suatu entiti yang mempunyai rujukan atau objeknya. Cuma kepelbagaian makna dan rujukan kepada realiti sentiasa berubah-ubah bergantung kepada persepsi individu dan ruang masa sesuatu realiti itu wujud.

Dengan yang demikian, laporan bujet 2018 menampakkan suatu realiti dalam kehidupan apabila objek “**kos kehidupan**” dapat dideskripsikan dengan melibatkan inferens “**terasa terhimpit**”.

Rumusannya, laporan media berkaitan bujet 2018 yang mengatakan bahawa keadaan ekonomi yang tidak stabil akan menyebabkan kos hidup yang tinggi adalah suatu realiti apabila dikaitkan dengan inferens iaitu kehidupan yang terasa terhimpit ini berpunca daripada keadaan ekonomi yang tidak stabil sehingga menyebabkan kos hidup menjadi tinggi.

Seterusnya, laporan media, “**Bajet 2018 adalah realistik dan holistik**” (Data 3) merupakan suatu realiti. Maklumat ekstensional dan intensional, **Bukan bajet yang hanya manis di mulut** dan “**bajet kali ini dilihat tepat pada masanya dan menyentuh terus nukleus**” memberikan makna bahasa beralaskan entiti, objek, dekripsi dan inferensnya.

Data 3 **Bajet 2018 adalah realistik dan holistik. Bukan bajet yang hanya manis di mulut**, namun tiada asas kukuh. Sebaliknya, **bajet kali ini dilihat tepat pada masanya dan menyentuh terus nukleus** yang menggerakkan keberlangsungan keutuhan negara.
(Sumber: bharian.com.my, Omar Mokhtar A. Manap).

Sehubungan dengan itu, laporan media, “**bajet kali ini dilihat tepat pada masanya**” terkait dengan objek “**menyentuh terus nukleus**” memberikan penerangan bahawa budget 2018 adalah realistik dan holistik adalah suatu realiti, manakala “bukannya yang hanya manis di mulut” dapat dikaitkan dengan inferens.

Ekspresi bahasa “**menyentuh terus nukleus**” jauh dari maklumat sebenar. Justeru, semua orang boleh menjadi lebih rasional melalui penggunaan bahasa ini kerana prinsip Semantik Umum menunjukkan bahawa bahasa mempunyai keupayaan refleksi yang boleh membuat pernyataan terhadap pernyataan lain.

Daripada penerangan dan inferens, laporan media “**bajet kali ini dilihat tepat pada masanya**” dan “**menyentuh terus nukleus**” memberikan impak kepada pembangunan negara sekali gus menjamin kestabilan dan keutuhan negara. Hal ini menampakkan suatu realiti dalam kehidupan atas entiti yang nyata bahawa kestabilan ekonomi negara dapat memacu kepada pembangunan negara.

Data 4 Namun, naiklah sebanyak mana jua bajet yang diperuntukkan, pasti **ada pihak cuba sedaya upaya mengorek kelompongannya untuk dijadikan modal mereka ke hulu dan ke hilir....** Termenung terus pihak itu **mencari modal baharu** (Sumber: bharian.com.my, Omar Mokhtar A. Manap).

Sementara itu acara peristiwa “**ada pihak cuba sedaya upaya mengorek kelompongannya untuk dijadikan modal**” (Data 4) dapat dikaitkan dengan objek “**mencari modal baharu**”. Hal ini memberikan penerangan kepada inferens “**ada pihak cuba sedaya upaya mengorek kelompongannya**” dan inferens “**mereka ke hulu dan ke hilir**”. Dalam hal ini, suatu tanggapan itu adalah bertindak balas secara bersyarat, dan kita akan bertindak secara rasional sesuai dengan fakta keadaan dan pengalaman, iaitu untuk menjana ekonomi, usaha yang gigih perlu dilakukan secara sedar dan sedaya upaya.

Dalam hal ini, ungkapan bahasa **mengorek kelompongannya untuk dijadikan modal** tampak lebih jauh dari fakta realiti yang objektif. Senada dengan itu, semakin tinggi tahap abstraksi konsep bahasa itu, semakin besar tahap risiko dalam proses menentukan realiti. Hal ini menjelaskan bahawa individu harus waspada terhadap abstraksi maklumat, dan memberi perhatian kepada tahap ketepatan maklumat dalam laporan media bagi menonjolkan realiti dalam laporan bajet.

Data 5 Bukan lagi masanya untuk graduan berfikiran mencari kerja, tetapi mereka yang membuka peluang pekerjaan. **Jadilah insan yang mencari atau membuka peluang, bukan sekadar tunggu peluang sahaja.** Aspek lain yang turut disentuh sudah semestinya **inisiatif memperkukuh pasaran kewangan** yang bakal **memacu beberapa sektor lain untuk turut meningkatkan produktiviti.** (Sumber: bharian.com.my, Omar Mokhtar A. Manap).

Realiti dalam Laporan bajet terungkap dalam peristiwa “**mereka yang membuka peluang pekerjaan**” apabila dikaitkan dengan objek “**Jadilah insan yang mencari atau membuka peluang, bukan sekadar tunggu peluang sahaja**”. Peristiwa ini memberikan penerangan dan inferens yang melibatkan masa dan ruang iaitu “**Bukan lagi masanya untuk graduan berfikiran mencari kerja**”, “**inisiatif memperkukuh pasaran kewangan**”, dan “**meningkatkan produktiviti**”.

Analisis Semantik Umum menekankan kepelbagaian dan keperibadian yang objektif, menghormati keperibadian individu. Justeru bagi mewujudkan kesedaran terhadap realiti kehidupan, penggunaan bahasa harus dapat memupuk tabiat yang bertamadun, meningkatkan keupayaan untuk membezakan maklumat yang benar dengan yang palsu. Tegasnya, apabila kita dikondisi dan dikawal oleh rangsangan 'peristiwa' dan objek, kita

memberikan tindak balas dan respons yang sesuai dengan inferens masa dan keadaan tertentu. Dengan demikian, kita dapati wujudnya realiti melalui ungkapan bahasa, “**inisiatif memperkukuh pasaran kewangan**” dan “**bakal memacu beberapa sektor lain untuk turut meningkatkan produktiviti**”. Hal ini membuktikan bahawa Semantik Umum dapat menampakkan realiti dengan baik untuk mewakili proses yang diabstraksi dalam laporan media.

Data 6 “**Setiap tahun, bajet mengecewakan pekerja sektor swasta dan Bajet 2018 tidak ada beza pun.**

“Kerajaan perlu ingat dalam ekonomi dunia sekarang, **sesebuah bajet sepatutnya memberi manfaat kepada semua** dan bukan pilih tertentu saja; dengan cara itu barulah ia benar-benar **bajet inklusif**,” katanya dalam satu kenyataan.

(Sumber: <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/20371/>).

Selanjutnya acara atau peristiwa dalam “**Bajet 2018 tidak ada beza pun** (Data 6) terkait dengan objek “**bajet 2018 mengecewakan pekerja sektor swasta**”. Hal ini berlaku berdasarkan penerangan bahawa setiap tahun kerajaan dilihat seolah-olah meminggirkan sektor dan kakitangan swasta yang turut menyumbang dalam pembangunan negara. Malahan pekerja swasta dianggap seperti dianaktirikan walaupun sektor swasta turut menyumbang keada Keluaran Dalam Negara, (Sumber: Izra Abdul Rahman, Izra@Thestar.Com.My). Inferens “sesebuah budget sepatutnya memberi manfaat kepada semua” membawa kepada entity nyata ‘**bajet inklusif**’ bagi menggambarkan suatu realiti.

PERBINCANGAN

Aplikasi Semantik Umum menggunakan versi mudah model pembezaan struktur Korzybski dalam menganalisis laporan media berkaitan Bajet 2018 telah dapat membuktikan bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa. Senada dengan itu, sarjana Semantik Umum percaya untuk mengungkapkan bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa, bahasa secara rasional haruslah mempunyai ciri saintifik, bersifat objektif dan tidak abstrak. Malahan golongan ahli Semantik Umum berpendapat bahasa yang saintifik mampu menggambarkan suatu realiti, sekali gus mengenyahkan perwakilan yang tidak jelas dan abstrak.

Namun, terdapat percanggahan antara bahasa yang saintifik dengan bahasa sebagai alat ekspresi peribadi dalam mengungkapkan realiti kehidupan dan perasaan dengan emosi tertentu. Bahasa sebagai alat ekspresi mengungkapkan konsep dan pemikiran dengan lebih baik dan bermakna dengan bahasa yang tidak terhad dan menggunakan konsep pemikiran yang abstrak bagi menggambarkan suatu realiti dalam kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasanya.

Peristiwa dan objek dalam Data 1 - Data 6 dapat menggambarkan suatu realiti menggunakan elemen entiti, rujukan, persepsi, ruang dan masa. Entiti dalam elemen realiti boleh disamakan dengan acara atau peristiwa dalam versi mudah model pembezaan struktur Korzybski. Manakala rujukan disamakan dengan objek, persepsi dengan penerangan, ruang dan masa dengan inferens.

Dalam laporan Bajet 2018, penggunaan frasa, ‘berita gembira’ (Data 1), ‘ekonomi tengah tak sedap’, (Data 2), ‘menyentuh terus nukleus’ (Data 3), ‘mencari modal baharu’ (Data 4) dan ‘bajet inklusif’ (Data 6) turut menggambarkan realiti kehidupan dalam bahasa Melayu melalui elemen entiti, rujukan, ruang dan masa. Namun penggunaan ungkapan sinis

'manis di mulut' (Data 3), 'mengorek kelompongan' 'modal mereka ke hulu ke hilir' dan 'mencari modal baharu' (Data 4) lebih memperlihatkan realiti dalam kehidupan dari segi rujukan dan persepsi. Hal ini sekali gus memperlihatkan perbezaan dalam proses pengkodan linguistik dan perbezaan dari segi pemikiran penutur. Walau bagaimanapun, penggunaan frasa dan ungkapan sinis ini secara tidak langsung menampakkan bukti dalam domain ruang dan masa akan suatu yang benar dan nyata, dan bukannya ilusi semata-mata. Penggunaan frasa 'ekonomi tengah tak sedap', 'terasa terhimpit' serta 'mencari dan membuka peluang' memperlihatkan satu rujukan atau referans berkaitan dengan realiti kehidupan masa kini yang menuntut kita semua memperbaiki ekonomi negara demi kesejahteraan para penggunanya. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa setiap satu PERISTIWA itu bukan semestinya satu OBJEK dan objek itu bukan PENERANGAN dan penerangan itu bukan semestinya INFERENS.

Penggunaan perkataan 'budget' dan 'hint' (Data 1), 'nukleus' (Data 3), 'bajet inklusif' (Data 6) yang turut menggambarkan realiti kehidupan yang dizahirkan menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris. Penggunaan perkataan-perkataan ini turut memperlihatkan satu kerangka pendekatan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan masyarakat berikutan 'keadaan ekonomi tengah tak sedap' yang diungkapkan dalam laporan bajet bagi menggambarkan pengalaman fizikal, pemikiran dan pengalaman masyarakat yang didominasi oleh bahasa ekonomi sejagat mengikut konteksnya. Ini suatu realiti kehidupan yang tergambar dalam bahasa.


Setiap suatu yang diabstraksikan berlaku pada masa yang berlainan, justeru tindak balas terhadap inferens adalah hasil daripada pelbagai pengalaman yang berlaku pada masa yang berlainan. Pendek kata, peristiwa yang kita alami selalunya berlaku pada tahap tertentu dan ada kaitannya dengan pengalaman masa lalu dari segi ruang dan masa. Oleh itu, setiap pengalaman yang dialami memperlihatkan fungsi keupayaan mental, pancarindera dan sistem saraf kita sendiri untuk melihat sesuatu secara berbeza, menilai dan bertindak balas terhadap sesuatu realiti secara yang berbeza. Dengan demikian, apabila kita bertindak balas, kita cenderung untuk bertindak lebih rasional malahan lebih sesuai dengan fakta situasi dan pengalaman kita.

Bahasa Melayu Dalam Realiti Kehidupan VS Realiti Kehidupan Dalam Bahasa Melayu

Realiti bahasa Melayu dalam kehidupan terpancar dari segi pemilihan perkataan, frasa dan ungkapan yang berasaskan entiti yang nyata, rujukan, persepsi, ruang dan masa suatu pengalaman itu ditempuhi dan diungkapkan. Pengalaman individu dalam dunia nyata diungkapkan sama ada dalam bentuk konsep atau idea yang berkaitan dengan peristiwa dan pengalaman adalah tersusun menggunakan bahasa yang tidak terbatas bagi menggambarkan suatu realiti kehidupan dalam bahasa.

Pemilihan perkataan dalam realiti kehidupan memperlihatkan bahasa yang digunakan dapat menggalakkan kebolehan kognitif penutur dengan cara yang berbeza. Bahkan terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa penutur jati bahasa Melayu turut membentuk cara mereka berfikir tentang banyak aspek di dunia ini, termasuk ruang dan masa melalui pemilihan perkataan, frasa dan ungkapan secara ekstensional dan intensional.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu dalam realiti kehidupan dan kehidupan dalam realiti dalam bahasa Melayu beralaskan teori semantik umum adalah seperti dalam Rajah 2 yang berikut;



Rajah 2: Penentuan bahasa Melayu dalam Realiti Kehidupan.

IMPLIKASI

Bahasa menggambarkan realiti kehidupan, dan begitu juga sebaliknya realiti kehidupan penutur itu juga tergambar dalam bahasa yang digunakan. Proses menentukan bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa melibatkan empat proses, iaitu:

- penelitian elemen semantik yang memfokus kepada makna bahasa yang digunakan;
- penelitian hubungan bahasa dengan pemikiran;
- penelitian elemen pragmatik yang memfokuskan makna konteks dan makna penutur; dan
- penelitian elemen sociolinguistik yang memfokus kepada latar belakang pendidikan dan jati diri penutur dari segi pemilihan bahasa dan sebagainya.

Hasil penelitian menggambarkan penggunaan bahasa dalam realiti kehidupan. Hal ini bertepatan dengan Hipotesis Sapir (1921) yang menyatakan 'bahasa yang kita bincangkan mungkin membentuk cara yang kita fikirkan'.

Pemilihan perkataan, frasa, dan ungkapan yang digunakan untuk mengungkapkan fikiran boleh membentuk dimensi yang paling asas dalam pemikiran individu melalui peristiwa atau entiti, objek dan rujukan, penerangan dan persepsi, inferens yang melibatkan ruang dan masa serta pengalaman hidup manusia dengan manusia dan objek dalam alam ini. Sekiranya bahasa yang digunakan dapat menggambarkan realiti kehidupan hari ini, dan begitu juga sebaliknya, sewajarnya nilai bahasa dari sudut semantik, sociolinguistik dan pragmatik dapat dipertahankan supaya bahasa yang kita gunakan pada hari ini menjadi

warisan generasi akan datang. Semua persoalan nilai ini yang harus difikirkan oleh semua pengguna bahasa Melayu hari ini.

KESIMPULAN

Bahasa dalam Laporan Bajet 2018 menggambarkan realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa setelah dianalisis beralaskan versi mudah model pembezaan struktur Korzybski yang melibatkan acara atau peristiwa, objek, deskriptif atau penerangan dan inferens bagi menganalisis elemen realiti yang melibatkan entiti, rujukan, persepsi dan ruang masa. Hasil analisis turut memperlihatkan bahawa pendekatan dalam memahami makna pemikiran, membuat kesimpulan, menjana kepercayaan, dan sebagainya membantu usaha menentukan suatu realiti dalam kehidupan yang tergambar dalam bahasa yang digunakan.

Di samping itu, kita dapat membezakan antara 1) suatu yang berlaku sebagai realiti, 2) suatu realiti yang berlaku dalam kehidupan 3) objek realiti yang dapat menggambarkan perasaan dan taakulan pancaindera dan 4) makna yang dapat disimpulkan daripada peristiwa yang telah diberikan penerangan. Seajar dengan itu, dalam mempertahankan bahasa Melayu dalam realiti kehidupan masyarakat di Malaysia ini, pengekodan linguistik dan aspek perbezaan dalam pemikiran harus ditentukan hubungannya menggunakan pendekatan berskala bagi menentukan aspek pengkategorian yang dikongsi bersama dapat membentuk cara kita berfikir dalam bahasa dan budaya kita.

BIODATA

Zaitul Azma Zainon Hamzah ialah Profesor Madya dalam bidang semantik dan pragmatik di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Pengajaran Bahasa Melayu, Penelitian Kualitatif dalam Penyelidikan Bahasa, Kontrastif linguistik dan Terjemahan.

Email: zazh@upm.edu.my

RUJUKAN

- Bajet 2018 mengecewakan sektor swasta, kata MTUC.* Diakses dari <http://www.mtuc.org.my/bm-bajet-2018-mengecewakan-sektor-swasta-kata-mtuc/?lang=MS>
- Bajet 2018 sahut semua cabaran semasa.* Diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/10/344576/bajet-2018-sahut-semua-cabaran-semasa> pada 30 Okt 2017
- Belanjawan 2018 berita gembira untuk kakitangan awam.* Diakses dari <http://olaoli.com/belanjawan-2018-berita-gembira-untuk-kakitangan-awam/> pada 30 Okt 2017
- Berger, Peter L.; Luckmann, Thomas (1966). *The Social Construction of Reality: A Treatise in the Sociology of Knowledge*. New York: Anchor Books. pp. 21–22.
- Bergman, J. (1991) General semantics and evolution. *Creation Social Science & Humanities Society Quaterly Journal*, XIII. Diakses dari <http://www.creationism.org/csshs/v13n2p16.htm>
- Budget 2018.* Dimuat turun dari <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub18.pdf>
- Cohen, P. (2011). New York public library buys timothy Leary's papers". *The New York Times*. Retrieved December 23, 2013.
- Crowell, S. G. (2001). *Husserl, Heidegger, and the space of meaning: Paths toward transcendental phenomenology*. United States: Northwestern University Press.
- Devitt, M., & Sterelny, K. (1987). *Language and reality: An introduction to the philosophy of language*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Floyd, J. (2011). The Frege-Wittgenstein Correspondence: Interpretive Themes. In Enzo De Pellegrin (Ed.), *Interactive wittgenstein* (pp. 75-107). Springer Press.
- Forte, R. (1999). Timothy Leary - Outside looking in. *Park Street Press*. p. 129141. ISBN 0892817860.
- Ghenea, V. (2006). *Language and reality: Some aspects of realism in the philosophy of language*. Romania: Analele Universitatii din Craiova, Seria Filosofie.
- Gottfried, G. (2002). Frege, Lotze, and the Continental Roots of Early Analytic Philosophy. In E. H. Reck (Ed.), *From Frege to Wittgenstein: Perspectives on early analytic philosophy*. London: Oxford University Press.
- Izra Abdul Rahman (2017, Oktober 21). Bajet 2017: Pekerja Swasta Seperti 'Anak Tiri' – MTUC. *MStar*. Diakses dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/10/21/mtuc-kecewa-bajet-2017/>
- Kant, I. (1998). *The critique of pure reason*. London: Cambridge University Press.
- Korzybski, A. (1980). *Science and sanity: An introduction to non-aristotelian systems and general semantics* (4th ed. with preface by Russell Myers & M.D. Lakeville). CT: The Institute of General Semantics.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: Univ. of Chicago Press. G.
- Liu, F. (2017). Analysis on the application of general semantics in we-media communication. *Communication and Linguistics Studies*, 3(1), 1-4. doi: 10.11648/j.cls.20170301.11
- McTaggart, J. M. E. (1908). The unreality of time. *Mind: A Quarterly Review of Psychology and Philosophy*, 17, 456-473.
- Patton, L. (2009). Signs, toy models, and the a priori: from Helmholtz to Wittgenstein. *Studies in the History and Philosophy of Science*, 40(3), 281–289.
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. New York: Harcourt Brace.

- Sapir, E. (1929). The status of linguistics as a science. *Language*, 5(4), 207-214.
- Searle, J. (2000). *Mind, language and society: Philosophy in the real world*. London: Pheonix.
- Wittgenstein, L. (1958). *Philosophical investigations*. In G. E. M. Anscombe & R. Rhees (Trans.), *Cercetări filosofice*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Yacobi, B. G. (2013). The human dilemma life between illusion and reality. *Journal of Philosophy of Life*, 3(3), 202-211.